

UMP tuan rumah Majlis Anugerah Tokoh Siswa

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi tuan rumah penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 anjuran Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang bakal berlangsung malam ini.

Pertandingan ini memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan atau kelab serta mengetengahkan potensi pelajar dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti menjadi insan cemerlang.

Penganjuran kali ketiga ini mempertandingkan 19 anugerah termasuk 9 kategori kepimpinan antaranya Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik, Anugerah Pemimpin Kelab/Persatuan Terbaik, Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik dan Anugerah Pemimpin Program Ke-

usahawanan Terbaik.

Kategori kesukarelawanan mempertandingkan 7 anugerah seperti Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik, Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik, Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik dan Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik.

Dua anugerah lain adalah Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dan Tokoh Sukarelawan Siswa, manakala anugerah tertinggi adalah Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata pihaknya sudah sedia menerima kehadiran tetamu pada acara yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang itu.

“Beberapa siri mesyuarat penyelesaian bersama pihak Bahagian

Pembangunan Mahasiswa juga sudah dijalankan dalam memastikan kelancaran majlis,” katanya.

Gementar galas harapan

Sementara itu, mahasiswa UMP, Royzaib Sugian Bambang Sugian, 23 yang mengikuti pengajian Sarjana Muda (Kepujian) Sains Gunaan Teknologi Bahan, berkata beliau yang dicalonkan dalam kategori Pemimpin Badan Beruniform Terbaik tidak menaruh harapan yang tinggi, namun tetap melahirkan rasa agak gementar menggalas harapan untuk mengharumkan nama UMP.

Bagi Ling Tian Wong, 24, yang mengikuti pengajian Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama di Universiti Putra Malaysia (UPM), pengalaman sewaktu menghadiri sesi temu duga pemilihan bagi kategori Sukarelawan (Terbuka) Terbaik pada kali ini merupakan sesuatu yang



Dr Yuserrie (dua dari kiri) bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr Adnan Hussein melihat buku **program Anugerah Tokoh Siswa 2015** di UMP Pekan, Kuantan, semalam.

amat berharga.

Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengikuti pengajian pengurusan, Siti Zurianah Ismail, 24, berkata, penglibatannya dalam program kesukarelawanan bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) banyak memberi keinsafan.

Beliau bangga dicalonkan bagi

kategori Sukarelawan (Terbuka) Terbaik.

Majlis akan dirasmikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang juga dijangka hadir.